

# Mimos, Blue Archipelago kongsi kerjasama akuakultur

## Guna teknologi bagi tingkatkan kecekapan pengeluaran syarikat

**M**imos Bhd (Mimos) dan Blue Archipelago Bhd (Blue Archipelago) baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi melaksanakan perkongsian kerjasama dalam bidang penyelesaian akuakultur.

Blue Archipelago Bhd adalah syarikat akuakultur utama Malaysia manakala Mimos adalah pusat penyelidikan dan pembangunan negara Malaysia dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Mimos dalam kenyataannya berkata, di bawah perkongsian itu, Blue Archipelago akan menggunakan teknologinya bagi meningkatkan kecekapan pe-

ngeluaran syarikat itu melalui langkah mengautomasikan setengah proses penternakan akua utamanya.

"Pertanian adalah salah satu daripada sasaran utama teknologi Mimos yang termasuk kerajaan, penjagaan kesihatan, pendidikan, keselamatan awam dan komunikasi," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah dan Naib Presiden Mimos, Mohd Ali Mustafa menandatangani MOU itu bagi pihak Mimos manakala Blue Archipelago diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abu Bakar Ibrahim dan Ketua Pegawai Operasi, Christopher Lim.



ABDUL Wahab (dua dari kanan) dan Abu Bakar (dua dari kiri) memegang MoU.